



PDT REMBAU

NOTIS MAKLUMAN PENGOPERASIAN KAUNTER BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH PEJABAT DAERAH DAN TANAH REMBAU

Selaras dengan Pengumuman Kerajaan Malaysia berkenaan Pelan Pemulihan Negara – Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa 1, **berkuatkuasa 29 Jun 2021** Kaunter Bahagian Pengurusan Tanah PDTR beroperasi melalui **kaedah temujanji** pada pukul **8.30 pagi – 12.00 tengah hari (Isnin–Khamis)** dan **11.30 pagi (Jumaat)**. Sebarang urusan temujanji hanya bagi pelanggan dari **DAERAH REMBAU SAHAJA** seperti berikut:

- Perserahan Urusniaga/Bukan Urusniaga
- Pembelian Salinan Sah Hakmilik/Carian Rasmi/Carian Persendirian
- Kutipan Hakmilik
- Bayaran selain Cukai Tanah. **(Bagi bayaran cukai tanah hendaklah dibuat diatas talian sahaja)**
- Penyerahan Borang Permohonan
- Pembelian/Semakan Pelan

Sebarang pertanyaan dan konsultasi boleh hubungi Pejabat Tanah Rembau di talian 06-6851225 atau melalui email intansharaini@ns.gov.my (Unit Tanah/Pendaftaran) dan aziha@ns.gov.my (Unit Hasil & Penguatkuasaan)



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN

**NOTIS MAKLUMAN KEBENARAN PENGOPERASIAN
TAPAK PERMIT BAHAN BATUAN DAN MINERAL NEGERI SEMBILAN**

Selaras Pengumuman Kerajaan Malaysia berkenaan Pelan Pemulihan Negara – Prosedur Operasi Standard (SOP) Fasa 1, **berkuatkuasa 29 Jun 2021** semua aktiviti perlombongan permit bahan batuan dan lesen/pajakan mineral adalah

DIBENARKAN BEROPERASI

Kebenaran beroperasi ini tertakluk kepada simpanan *stockpile* sedia ada sahaja dan jualan hanya ke premis atau tapak projek pembinaan infrastruktur awam yang utama dan kerja-kerja pembinaan bangunan yang **dibenarkan** dalam SOP ini. Sehubungan itu, semua pemegang permit bahan batuan dan pemegang lesen/pajakan mineral Negeri Sembilan perlu mengemukakan permohonan kepada **PTD (permit bahan batuan)** dan **PTG (lesen/pajakan mineral)** bersama dokumen-dokumen berikut:

- i. Surat permohonan bersama surat kelulusan MITI;**
- ii. Laporan jumlah kuantiti *stockpile* sedia ada di tapak bagi pengesahan PTD/PTG;**
- iii. Senarai pelanggan bersama surat kelulusan MITI**

sebelum tapak diberi kebenaran untuk beroperasi. **Semua pemegang permit bahan batuan dan pemegang lesen/pajakan mineral perlu sentiasa mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan bagi memerangi wabak Covid-19.**

Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Negeri. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh berhubung terus dengan Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan ataupun Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan.